

Keadaan kesihatan Suharto turun naik

Dr Mahathir ziarah bekas Presiden Indonesia di hospital



JAKARTA: Doktor sedang berusaha sedaya upaya menyelamatkan bekas Presiden Indonesia, Suharto (**gambar**) yang masih kritikal, ketika bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melawatnya di hospital, semalam.

Suharto masih menggunakan alat bantuan penafasan ketika doktor mengesahkan keadaan kesihatannya bertambah teruk Ahad lalu, apabila cecair dalam paru-paru kirinya mengakibatkan kerosakan organ.

Ketua pasukan perubatan Suharto memberitahu sidang akhbar semalam bahawa mereka bimbang dengan pengumpulan cecair dan jangkitan kuman di dalam paru-paru Suharto.

'Secara umumnya, keadaannya semakin baik pagi ini. Penafasannya masih perlu dibantu dan keadaan jantungnya juga menunjukkan perubahan baik,' kata Mardjo Soebian-dono. Katanya, tahap kesedaran Suharto yang naik turun sejak akhir-akhirnya juga bertambah baik dengan pengurangan ubat tidur.

Selepas sidang media itu, beliau memberitahu wartawan: 'Dia (Suharto) bekas anggota tentera, semangat juangnya adalah di luar kebiasaan.' Ahad lalu, Mardjo berkata, hanya ada peluang 50-50 bagi Suharto.

Seorang lagi doktor, Muhammad Munawar memberitahu sidang akhbar, keadaan kini masih serius. 'Keadaannya masih kritikal, ia boleh naik turun,' tambahnya.

Pakar paru-paru, Hadiarto Mangunegoro, berkata di samping cecair, ada kesan hitam dalam paru-paru Suharto dan beliau diberikan antibiotik bagi mengurangkan jangkitan kuman.

Suharto yang juga mengalami kegagalan pelbagai organ Jumaat lalu dan dibantu dengan alat penafasan, dilawati sahabat sezamannya, Lee Kuan Yew pada hujung minggu lalu.

Lee, 84, kini memegang jawatan Menteri Mentor Singapura adalah



KAWAN LAMA: Dr Mahathir menziarahi Suharto di Hospital Pertamina, di Jakarta, semalam.

Perdana Menteri selama beberapa dekad melebihi zaman pemerintahan Suharto.

Beliau memberitahu media Singapura bahawa beliau berasakan Suharto tidak memperoleh penghormatan yang sepatutnya ketika ini.

'Memang benar ada rasuah. Betul, beliau memberi peluang kepada keluarga dan kawannya. Namun, masih ada perubahan dan pertumbuhan,' kata Lee kepada *Channel News Asia* yang beribu pejabat di Singapura.

“*Dia (Suharto) bekas anggota tentera, semangat juangnya sudah pasti di luar kebiasaan*”

Mardjo Soebian-dono
Ketua Pasukan Perubatan

Tatkala Suharto kritikal, soal sama ada tindakan undang-undang terhadapnya bersabit kes rasuah masih lagi rancak dibincangkan oleh ahli politik dan orang awam.

Dalam usaha untuk meredakan perdebatan itu dan mengelakkan kritikan terbuka terhadap Suharto seterusnya, Presiden Susilo Bambang Yudhoyono Sabtu lalu menyatakan sekarang bukan masanya untuk membincang kes sivil terhadap Suharto.- Reuters.